

22 FEB 2001

Masjid (Laporan Khas)

KEINDAHAN MASJID AL-BUKHARY DIKAGUMI

Oleh: Mohd Zahari Morad

ALOR SETAR, 22 Feb (Bernama) -- Empat hari sebelum sambutan Aidilfitri lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri majlis berbuka puasa di masjid Kompleks Al-Bukhary, Jalan Langgar.

Presiden PAS Datuk Fadzil Noor selaku kariah masjid kawasan berkenaan turut hadir.

Kesokan harinya pertemuan tidak rasmi dua pemimpin parti Melayu itu dapat ditatap di muka depan akhbar tempatan.

Sememangnya, antara fungsi penting masjid, selain sebagai tempat beribadat, adalah sebagai tempat penyatuan ummah dan menyatukan ummah juga adalah antara matlamat utama Yayasan Al-Bukhary mendirikan masjid itu, kata seorang pegawai kanan yayasan itu yang enggan namanya disiarkan.

Pembinaan masjid itu adalah atas usaha murni yayasan itu yang diterajui Pengerusi Eksekutifnya Tan Sri Syed Mokhtar Al Bukhary, yang turut mendirikan beberapa lagi masjid di negeri ini seperti di Pantai Johor, Akar Peluru dan Sik.

Sesiapa yang melalui Jalan Langgar pasti kagum dengan seni bina masjid berkenaan, terutama apabila melihatnya pada waktu malam dengan sinaran cahaya lampu.

Masjid bernilai jutaan ringgit itu, yang merupakan antara terindah di negeri ini, bakal menjadi satu lagi mercu tanda bandar Alor Setar.

Pegawai berkenaan berkata untuk memasuki masjid dua tingkat itu, seseorang itu akan terlebih dahulu melalui dataran terbuka yang dibina sebuah alur air sepanjang kira-kira 30 meter dengan satu kolam kecil di penghujungnya.

Katanya konsep air itu menggambarkan kesucian.

"Terdapat tujuh kubah kesemuanya dengan satu kubah utama yang berada di ruang sembahyang utama. Di bahagian dalam kubah utama diukir khat 99 nama Allah. Kesemua kubah itu berwarna biru.

"Tujuh kubah membawa makna bahawa syiar Islam itu telah sampai ke tujuh pelusuk benua," katanya.

Beliau berkata ruang sembahyang utama boleh menempatkan 2,000 jemaah pada satu-satu masa. Ruang itu dilengkapi dengan sistem pendingin hawa bagi keselesaan jemaah.

Di depan ruang sembahyang utama terdapat mikrab, tempat imam menyampaikan khutbah dan mikrab itu diperbuat dari kayu hasil kerja tangan orang Iran.

Di tingkat bawah terdapat ruang sembahyang kedua yang digunakan apabila ruang sembahyang utama penuh dan keistimewaan ruang sembahyang bawah ini, disediakan satu layar bagi menunjukkan imam sedang membaca khutbah di ruang sembahyang utama, katanya.

Bagi kemudahan golongan tua dan cacat disediakan lif untuk naik dan turun dari tingkat bawah ke ruang sembahyang utama, dua lif sebenarnya.

Di tingkat bawah, selain dijadikan ruang sembahyang juga didirikan bilik serba guna, bilik imam, perpustakaan dan tempat jamuan, kata pegawai berkenaan.

Beliau berkata masjid itu apabila keseluruhan kawasan digunakan - ruang sembahyang utama, ruang sembahyang kedua dan dataran - dapat menampung sehingga 15,000 jemaah.

Menurut pegawai berkenaan masjid itu mula dibina pada 1999, dijangka siap sepenuhnya pada hujung bulan ini dan dapat digunakan secara rasminya bagi sembahyang Aidiladha Mac ini.

Ia akan dibuka untuk lawatan orang ramai dengan sebuah bilik taklimat akan disediakan, katanya.

Pembinaan masjid itu adalah sebahagian dari Kompleks Islam Albukhary, yang merupakan sebuah projek kebajikan bersepadu, yang selain masjid, mengandungi sekolah dan sekolah agama, rumah anak yatim, rumah warga tua, rumah persinggahan, pusat rawatan dan kompleks niaga.

-- BERNAMA

MZM RON